

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 13 NOVEMBER 2013 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Asean Cari Cara Tingkat Kemampuan Dalam Bidang Sains, Teknologi Dan Inovasi	Bernamea.com
2	Kolej Yayasan Saad Menang Anugerah Cabaran Sains Negara	Bernamea.com
3	Pakar jaga keselamatan siber	Berita Harian



## Asean Cari Cara Tingkat Kemampuan Dalam Bidang Sains, Teknologi Dan Inovasi

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Asean perlu mencari apa jua cara untuk meningkatkan kemampuan negara anggotanya dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, demi manfaat seluruh rantau ini.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata sains, teknologi dan inovasi dianggap penentu dan pemboleh yang amat penting bagi pembangunan ekonomi, pendidikan dan perlindungan alam sekitar.

"Hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah sains, teknologi dan inovasi amat penting dalam semua perkara berkaitan pembangunan kita, sama ada dalam bidang politik, sosial atau budaya," katanya dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian Mesyuarat Peringkat Menteri Asean mengenai Sains dan Teknologi ke-15 (AMMST Ke-15) di sini Selasa.

Dr Ewon berkata mesyuarat itu penting untuk memperkukuh tanggungjawab Malaysia sebagai Pengerusi Asean pada 2015.

Katanya Malaysia perlu memainkan peranan penting dalam menggubal wawasan dan pelan tindakan baharu selepas 2015 bagi melakar perjuangan dan matlamat bersamanya, sejajar dengan pembentukan Komuniti Asean menjelang 2015.

Mesyuarat hari ini dijadual membincangkan langkah ke hadapan yang perlu diambil dalam bidang sains, teknologi dan inovasi di bawah Pelan Tindakan Sains, Teknologi dan Inovasi Asean (Apasti) yang baharu serta perkongsian pengalaman antara negara anggota untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi di rantau ini.

Sejajar dengan pelaksanaan pelan tindakan baharu di bawah Apasti, mesyuarat ini juga bersetuju meneroka modaliti kewangan baharu untuk menyokong aktiviti secara lebih meluas, termasuk inisiatif yang dipacu inovasi bagi projek baharu seperti malaria, makanan, bioteknologi marin, penginderaan jauh dan program pertukaran saintis muda.

-- BERNAMA



## Kolej Yayasan Saad Menang Anugerah Cabaran Sains Negara

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kolej Yayasan Saad dari Melaka muncul sebagai pemenang Cabaran Sains Negara 2013 - Trofi Cabaran Perdana Menteri Selasa.

Kolej itu mengalahkan tiga sekolah lain untuk menerima hadiah utama berupa perjalanan ke Stockholm, Sweden untuk menghadiri penyampaian Anugerah Hadiah Nobel pada 10 Dis.

Sekolah Menengah St. Joseph dari Sarawak memenangi tempat kedua, manakala Sekolah Menengah Kebangsaan St. Michael (Perak) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mewah (Negeri Sembilan) masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Timbalan Menteri Pelajaran II P. Kamalanathan menyampaikan hadiah kepada pemenang di sini pada majlis yang turut dihadiri pengerusi anak syarikat Exxonmobil di Malaysia J. Hunter Farris.

Pertandingan Sains Negara (NSC) diadakan setiap tahun sejak 1983 oleh [Akademi Sains Malaysia dan diiktiraf Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) serta Kementerian Pendidikan.

NSC menjadi pembawa obor bagi program sains anjuran Akademi Sains Malaysia dan Exxonmobil.

Dalam ucapannya, Kamalanathan berkata keperluan memupuk bakat sains dalam kalangan golongan muda kini semakin diberi penekanan bagi memenuhi permintaan modal insan yang cekap, mahir, kreatif dan inovatif dalam bidang sains untuk memacu kemajuan ekonomi negara.

"Guru pula perlulah lebih kreatif dan inovatif untuk menarik minat pelajar terhadap sains dan matematik melalui pendekatan berasaskan pertanyaan, yang memupuk budaya penemuan," katanya.

Beliau juga menasihati pelajar supaya melengkapkan diri dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang betul untuk membolehkan mereka menghadapi perubahan dan tuntutan dunia yang semakin berubah dan menjadi tanpa sempadan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (SEPINTAS) : MUKA SURAT 10  
TARIKH: 13 NOVEMBER 2013 (RABU)**

**Pakar jaga  
keselamatan siber**

Malaysia memiliki pakar yang sentiasa bekerja menjaga keselamatan siber bagi memastikan sistem pentadbiran negara bebas pencerobohan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

"Agensi dipertanggungjawab menjaga keselamatan siber seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan **Cyber Security Malaysia** juga sentiasa membina sistem pertahanan untuk melindungi persekitaran siber. Alhamdulillah, kita boleh pelihara keselamatan dan kesihatan persekitaran siber kita setakat ini," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 kementeriaannya di Dewan Rakyat semalam.